

# BIDASAN KEPADA FAHAM TAK BERTUHAN

Tidak ada sesuatu perbuatan yang seburuk-buruknya selain daripada perbuatan mereka-mereka yang menyekutukan Allah Tuhan Yang Maha Esa kepada sesuatu yang baharu atau kepada mereka-mereka yang bersifat seumpama kaum di Hari yang tidak mau mengakui akan adanya Tuhan dengan memberi pengakuan bahawa segala sesuatu kejadian ini adalah suatu kejadian tabii – tidak ada yang membuatnya -. Berlindunglah kita daripada fahaman yang sesat ini.

Mereka-mereka yang berfaham tersangat kukuh dan tidak hendak memahamkan pengajaran agama yang menunjukkan adanya Tuhan Rabbul Jalil iaitu ialah hanya tuhan yang disembah oleh sekalian makhluk di dunia ini, mereka tidak sekali-sekali mau memikirkan saksi-saksi atas adanya. Mereka tidak sekali-sekali mau memandang atau memerhati firman Allah yang menyuruh memerhatikan segala kejadian-kejadian di Bumi ini sebagai menjadi saksi atas kebesarannya. Allah di dalam firman-Nya menyuruh kita berfikir sebagaimana ada termaktub di dalam al-Quran demikian madmunnya : “Tidakkah mereka memerhatikan unta itu bagaimana ia telah dijadikan! Dan langit bagaimana ia telah ditinggikan! Dan gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan dan Bumi bagaimana ia telah dibentangkan?!”

Saksi-saksi yang Allah bentangkan dengan jelasnya ini bagi mereka-mereka yang beriman tentulah lebih terang daripada singa atas kebenarannya tetapi setengah-setengah manusia yang tidak mau faham kepada demikian itu tidak akan mempercayai yang demikian lalu mengatakan bahawa semuanya itu ialah kejadian tabii yang semula jadi yang tidak ada sesiapa yang menjadikannya. Orang-orang yang demikian ini lupa membandingkan tentang kejadian dirinya.

Walaubagaimana bijaknya manusia ia tidak dapat menetapkan dan mengetahui bila masanya ia tertidur. Ia tidak memahami kepada kejadian benda-benda untuk dijadikan perbandingan tentang siapa yang menjadikannya – umpamanya kita melihat sebuah meja maka dengan serta merta kita berfikir dan masuk dalam fikiran kita bahawasanya meja itu tentu ada tukang yang membuatnya. Jika kita melihat kepada benda yang lain tentu kita bertanya siapa yang menjadikannya, begitu juga keadaan dunia yang digambarkan di dalam firman Allah tadi menyuruh kita berfikir bagaimana kejadian unta atau kita juga mesti memahamkan bagaimana kita telah dijadikan. Kita tentu berkata bahawa kita telah terjadi daripada ibu bapa kita dan seterusnya ibu bapa kita terjadi daripada ibu bapanya sehingga membawa kepada bapa kita Adam alahi salam dan siapakah yang menjadikan Adam itu? Bagi mereka-mereka yang beriman kepada Allah bahawasanya ia menyaksikan bahawasanya Adam itu dijadikan Allah Yang Maha Kuasa yang menjadi khalifahnya di bumi ini. Khalifahnya itu turun menurun dibawa oleh Rasul-rasul yang menjadi khalifah bagi tiap-tiap masa kemudiannya sehingga akhirnya kepada Saidina Muhammad (SAW) dengan membawa tuntutan-tuntutan atau pelajaran-pelajaran yang diperundang-undangkan Allah supaya diikut oleh mereka itu supaya mereka itu mendapat aman dan sejahtera jauh daripada tamak dan haloba, bahkan kasih mengasihi di antara satu sama lain dan jauh sekali daripada hina menghinakan kerana Allah tidak melebihikan di antara seseorang hamba dengan hamba-Nya melainkan dengan taqwa masing-masing yakni bukti hamba itu berharapkan keredhaan Allah kepadanya.

Dengan keterangan di atas ini jika ada sesiapa daripada hamba-hamba Allah, daripada masa khalifah yang pertama (Adam) yang membawa kitab-Nya bagi panduan supaya mendapat kebahagiaan di dunia yang membawa pula kesannya kebahagiaan akhirat itu melanggar kepada undang-undang yang diaturnya nescaya keamanan dirinya, keamanan rumah tangganya, keamanan kampung halamannya, keamanan masyarakatnya, keamanan negerinya dan kemanan dunia akan terganggu dan kacau dengan sebab mereka itu telah tidak sekali-sekali mempunyai perasaan, tidak sekali-sekali mau mendengar dan membandingkan apakah kebijakan-kebijakan walau yang sekecil-kecilnya sekalipun yang akan didapat dengan kerana menjauhi daripada barang yang ditegah-Nya dan mendapat faedah daripada apa yang disuruh dan dikehendaki-Nya kita membuatnya.

Bagi mereka-mereka yang mempercayai bahawa tidak ada sesuatu kejadian yang zahir itu dijadikan oleh sesiapa pun kerana semuanya mereka menyangka percaya terbitnya daripada kebendaan yang nyata sahaja lupa bahawa bagaimana mereka menentukan sesuatu kejadian yang ada di dalam dunia ini. Kita melihat ayam. Ayam itu terjadi daripada telur dengan telur itu terjadi daripada ayam. Siapakah dahulu dekah ayam dan telur? Ayamkah atau telurkah? Tidak ada seseorang makhluk yang dapat menjawabnya jika ayam itu terjadi dahulu siapa yang menjadikan ayam itu dan jika telur itu terjadi dahulu siapa pula yang menjadikan telur itu sebab salah satu antara keduanya tentu terjadi dan tiap-tiap sesuatu kejadian tadi umpamanya seperti meja ada yang menjadikan yakni dibuat oleh tukang dan siapakah tukang membuat ayam atau telur selain daripada Allah Subahanahu Wataalla Yang Maha Suci daripada disekutukan kepada sesuatu yang baharu.

Oleh sebab itu wahai mereka-mereka yang tersesat terutama daripada belia-belia kita yang tidak mau mempelajari akan

pengajaran keesaan Allah itu hendaklah berbalik mengesakan-Nya supaya beriman kepadanya sebab pintu taubat masih terbuka kepada mereka sebab mereka masih bernyawa yakni selagi ada umur tiap-tiap seseorang maka selama itulah peluang itu masih terbuka.

Allah telah memberi amaran di dalam al-Quran (surah an-Nisa' ayat 4) yang madnunnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan yang ia disekutukan, tetapi ia akan mengampuni selain daripada itu bagi sesiapa yang ia kehendaki: dan barangsiapa yang menyekutukan Allah maka sesungguhnya ia telah membuat suatu dosa yang terang dan nyata": Amaran ini hendaklah diingat selagi mereka-mereka mau mendengar dan mau berbalik kepada kebenaran, dan mereka itu (mereka-mereka yang telah menggunakan kalamnya bagi menafikan adanya Allah dengan buah kalamnya yang murtad itu) hendaklah ingat bahawa sungguhpun kedudukan persuratan orang-orang yang mempertahankan keesaan Allah itu lemah persuratannya pada hari ini tetapi masih ada lagi hamba-hamba Allah yang menjunjung kemuliaan-Nya yang akan menghunus pedangnya, yang akan menjual nyawa dan hartanya untuk membela syiar dan kemulian Allah! Mereka itu akan menjual nyawanya dan segala-galanya untuk pembeli syurga yang dijanjikan itu, untuk membela agama Allah yang dicuba dicacat dan dicerca oleh mereka-mereka yang terbitnya di dalam dunia kita ini masih daripada titisnya orang-orang yang dahulunya beriman kepada Allah.

Orang-orang Islam yang masih syak dan waham, yang masih mengingkari kepada tegahan-tegahannya dan mencuaikan segala suruhan-suruhannya itu mestilah pada hari ini mengambil kesimpulan yang muktamad tentang di mana perdirian mereka, jangan terikut-ikut perbuatan-perbuatan yang boleh dinisbahkan kepada menyekutukan Allah kepada benda-benda yang lain seperti mengadakan perantaraan meminta ini dan itu kepada Allah. Menerusi keramat-keramat, menerusi ini dan itu yang membawa kepada syirik. Mereka hendaklah berbalik kepada Allah dan tidak sekali-sekali menyekutukannya kepada sesuatu yang lain daripadanya.

Allah telah mewajibkan kepada kita tidak menyembah selain daripadanya sebagaimana firman-Nya yang madmunnya: "Tuhanmu telah mewajibkan bahawa tidak boleh kamu menyembah selain daripadanya." Daripada ini nyata bagi kita yang mengakui al-Quran itu menjadi pokok agama kita dan menggelar diri kita muslim wajib beribadat semata-mata kepada Allah dengan meninggalkan penyembahan kepada yang lain-lain daripadanya.

Walhasil tidak ada samar-samarnya lagi bahawa pokok yang utama sekali di dalam agama Islam atau agama-agama Allah yang dahulu yang dibawa oleh khalifah-khalifahnya ke dunia ini ialah Tauhid yakni mengesakan Allah. Jika Tauhid rosak dan tidak sempurna maka jangan diharap segala urusan-urusan yang lain akan sempurna. Rosak tauhid kepada Allah itu ialah disebabkan banyaknya yang kita sembah, jika banyak yang kita sembah maka banyak pula yang kita takuti dan jika banyak yang kita takuti nescaya hilang pula keberanian kita beramal kepada jalan Allah itu dan jika keberanian kita beramal kepada Allah itu telah hilang daripada kita maka janganlah diharap kita akan mendapat keselamatan dunia apatah lagi di akhirat.

Jikalau kita hendak hidup berbahagia maka bebaskanlah rohani kita daripada pengaruh zahir dan batin – hapuskan daripada jiwa kita berperasaan tunduk kepada apa jua dan jika kita telah bebas maka perhubungkanlah terus dengan Tuhan Yang Maha Kuasa. Dengan inilah menjadi sendi kebahagiaan hidup kita.

Tatkala kita hendak beribadah kepada Allah itu ialah kita pandang sebagai kewajipan kita. Kita disuruh takut kepada seksaan Allah yang sangat pedih dan kita diperintah supaya mengharapkan balasan pahala-Nya dan kita disuruh-Nya mengucap syukur dan terima kasih atas kurnia dan nikmat yang telah dilimpahkan-Nya kepadak kita. Semuanya itu hendaklah dikerjakan dengan tulus ikhlas semata-mata dengan kerana Allah, bukannya dengan sebab ada suruhan, dan ancaman atau harapan daripada

manusia atau daripada sesuatu yang lain.

Allah telah menyatakan di dalam firman-Nya yang madmunnya: "Manusia tidak diperintah melainkan beribadah kepada Allah dengan tulus ikhlas". Dengan nas yang tersebut ini maka sesiapa daripada mereka-mereka yang beribadatkan selain daripada Allah, menyekutukannya dengan segala Sesuatu itu jangan menjadikan syurga atau menjadikan kita menduakan-Nya – berlindunglah kita daripada berbuat yang demikian itu. – Pengarang.

## DIAMNYA BUKAN AZANNYA

Di dalam majalah Qalam bilangan yang lalu pada muka 14 ruangan kedua baris dua dari bawah berkenaan dengan hadis Rasulullah (SAW) berbunyi ....dan azan itu memadai dengan azannya. Yang demikian ini salah, sebenarnya "...dan azan itu memadai dengan diamnya." Dengan ini harap mendapat perhatian pembaca-pembaca

Pesan Segera!!

Sudah siap!!!

Kitab

## TA'LIM AL-LUGHATUL ARABBIYYAH

Kaedah pelajaran Nahu dan mempelajari Bahasa Arab dengan jalan yang sehabis-habis mudah huraiannya dengan Bahasa Melayu cukup terang serta disediakan beratus-ratus kalimah yang bermakna dan latihan-latihan bagi memudahkan faham dengan disediakan jawab-jawabnya pada muka yang akhir.

Dengan mempunyai kitab ini seolah-olah tuan menjemput seorang guru ke rumah tuan – harga sebuah \$2.00. Sertakan belanja mengirim 10 sen mintalah kepada penyusunnya.

Muhammad Lazim bin Hj. Sa'īm

Guru Besar Madrasah Al-Arabiah, Kluang, Johor.